

# Yaacob: Ada juga aspek positif



PERKUKUH KEUPAYAAN BADAN MELAYU: (Dari kiri) Dr Yaacob; Presiden Persatuan Muhammadiyah, Ustaz Shaik Hussain Shaik Yacob; Pengerusi Kumpulan AMP, Encik Azmoon Ahmad; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persatuan Ain, Haji Mohd Yusoff Ismail; Pengarah Eksekutif AMP, Encik Anuar Yusop; dan CEO Yayasan Mendaki, Cik Tuminah Sapawi. – Foto M. O. SALLEH

9 Nov 2014

NUR ADILAH MAHBOB

SATU analisis yang dijalankan untuk meninjau keperluan latihan lima badan Melayu/Islam (MMO) telah mengenal pasti beberapa aspek untuk diberi perhatian.

Beberapa aspek itu termasuk latihan untuk meningkatkan tadbir urus korporat, pembangunan strategi dan prestasi ketua jabatan, ujar Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim.

"Jika dibuat perbandingan di peringkat nasional, saya tidak rasa kami dalam keadaan yang buruk. Sudah tentu ada aspek yang boleh dibaiki tetapi yang penting, badan terlibat menunjukkan semangat untuk meningkatkan keupayaan mereka," ujar Dr Yaacob.

Beliau berkata demikian semasa ditemui media di seminar pembangunan keupayaan anjuran bersama Forum Pemimpin Masyarakat (CLF) dan Institut Khidmat Sosial (SSI) untuk MMO semalam.

Jun lalu, Dr Yaacob telah mengumumkan Analisis Keperluan Latihan (TNA) bagi MMO di Seminar Tadbir Urus Korporat pertama anjuran CLF.

Lima MMO yang terlibat dalam fasa pertama TNA itu ialah Angkatan Karyawan Islam (AMP), Persatuan Ain, Persatuan Muhammadiyah, Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam Singapura (Pergas), dan Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM).

TNA tersebut dijalankan oleh SSA Consulting Group.

Dr Yaacob berkata analisis keperluan itu turut menunjukkan beberapa aspek positif dalam MMO yang boleh dibanggakan, seperti struktur korporat.

Namun, antara bidang yang perlu diberi perhatian ialah aspek kepimpinan dan perancangan penggantian, ujar Dr Yaacob.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SSA Consulting, Encik Suhaimi Salleh, berkata aspek kepimpinan yang boleh ditingkatkan adalah dari segi dari segi membuat keputusan, menetapkan hala tuju, serta perancangan dan pengurusan.

"Rata-ratanya MMO itu mempunyai hala tuju masing-masing tetapi kami dapati ini boleh ditingkatkan lagi," ujar Encik Suhaimi.

Pada masa yang sama, MMO turut memberi maklum balas mereka ingin meningkatkan pengurusan sukarelawan, termasuk menarik sukarelawan.

Menyusuli TNA tersebut, satu pelan pembangunan latihan akan dilakar bagi setiap MMO berdasarkan keperluan masing-masing.

Ada juga yang telah mula menjalani latihan yang ditawarkan SSA Consulting dan SSI.

"Setelah dijalankan analisis itu, saya fikir terpulang kepada MMO untuk menimbang sendiri apa keutamaan mereka dan latihan yang perlu dilaksanakan," ujar Dr Yaacob.

Semasa ditemui media semalam, Pengarah Eksekutif AMP, Encik Mohd Anuar Yusop, berkata AMP telah meraih manfaat daripada TNA yang dijalankan oleh konsultan profesional.

"Kami akan terus sokong CLF selagi CLF mengambil berat tentang profesionalisme pekerja dalam sektor sosial," ujar Encik Anuar.

Dalam ucapannya, Dr Yaacob turut memberi perkembangan mengenai penggunaan Dana Pembangunan Keupayaan yang dilancarkan April lalu bagi membantu MMO meningkatkan keupayaan mereka.

Beliau berkata sejauh ini MMO telah memanfaatkan sekitar \$300,000 daripada \$1.2 juta yang diperuntukkan di bawah dana itu.